



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj : JANM.BPPP.500-5/1/1 (18)
Tarikh : 21 Mei 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PEMBATALAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) DAN PEPERIKSAAN KHAS PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) ANJURAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) antaranya tiada perhimpunan bagi tempoh selama enam (6) bulan hingga setahun ekoran daripada pandemik Covid-19.
3. Selaras dengan keputusan kerajaan itu, Urus Setia Peperiksaan JANM telah bersetuju untuk **membatalkan** peperiksaan BITK yang dijadualkan pada 29 Julai 2020 dan Peperiksaan PSL pada 9 dan 10 September 2020 sebagai langkah keselamatan bagi mengelakkan risiko jangkitan.
4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua calon di agensi dan Badan Berkanun seliaan kementerian atau jabatan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang layak menduduki peperiksaan untuk membuat permohonan baharu bagi tahun 2021 dan permohonan bagi peperiksaan tahun 2020 adalah terbatal.

5. Sebarang pertanyaan berhubung peperiksaan JANM boleh dikemukakan terus kepada Urus Setia Peperiksaan JANM di talian 03-8882 1183/ 1197/ 1185 atau melalui email di alamat *urus_pep@anm.gov.my*.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”



(SADIKIN BIN ATAN C.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

- s.k:
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
 - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
 - iii. Fail Timbul